

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**YBHG. DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAHA**  
**KETUA PENGARAH**  
**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**  
**SEMPENA**  
**HARI TEKNIKAL DAN KEJURUTERAAN JKR MALAYSIA 2017**

**22 OGOS 2017 (SELASA)**

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Negaraku Malaysia dan Salam 1JKR

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof,  
Menteri Kerja Raya

Yang Berhormat Datuk Rosnah binti Hj. Abdul Rashid Shirlin,  
Timbalan Menteri Kerja Raya

Yang Berhormat Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid  
Ahli Parlimen Kuala Kangsar

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob,  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar,  
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Sektor Dasar & Pembangunan)

YBhg. Dato' Haji Sarani bin Dollah,  
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Sektor Pengurusan)

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md. Salleh  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid  
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Hj. Osman  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Infra)

YBrs. Encik Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)

YBrs. Sr. Ratna binti Haji Mahyuddin  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar)

YBrs. Ir. Mohamad Zulkefly bin Sulaiman  
Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat,  
Merangkap Pengerusi JK Induk Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia 2017

Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Cawangan / Bahagian, Pengarah-  
Pengarah Negeri,  
Jurutera-Jurutera Daerah,  
Pegawai-Pegawai Kader,  
Pegawai-Pegawai Kanan dan tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, pada hari ini kita diberi ruang dan peluang untuk bersama-sama meraikan sambutan Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia yang julung-julung kalinya diadakan pada tahun ini.

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih terutamanya kepada Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia di atas kesudian YB Dato Sri' meluangkan masa menghadiri majlis ini untuk bersama-sama dengan warga JKR dan para undangan lain serta seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia 2017.

YBhg. Dato' Sri/Dato-Dato/Datin-Datin/ Tuan-Tuan/Puan-Puan,

3. Objektif utama sambutan Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia adalah sebagai platform bagi orang awam mendapat informasi dan kesedaran tentang pentingnya pematuhan kepada aspek-aspek kejuruteraan dan teknikal dalam membangunkan negara agar lebih maju dan lestari demi masa depan kita semua. Selain itu, ia mendedahkan peranan Jabatan Kerja Raya dalam membangun, mencorak dan menerapkan ciri-ciri 'Best Engineering Practice' ini ke dalam pelaksanaan pembangunan negara.

4. Untuk makluman bersama, melalui rujukan statistik yang diperolehi daripada Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), seramai 115, 418 individu telah mendaftar sebagai jurutera berdaftar dengan LJM setakat bulan Julai 2017. Seramai 4,956 orang individu telah mendaftar sebagai Arkitek berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan seramai 3,397 Juru Ukur Bahan telah berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM). Statistik yang dinyatakan tersebut adalah termasuk golongan profesional, bukan profesional dan siswazah dalam bidang masing-masing.

5. Justeru itu, melalui program seumpama ini, diharap dapat menarik minat para hadirin terutamanya pelajar-pelajar sekolah untuk meminati dan menceburkan diri dalam bidang teknikal ini. Seterusnya, dapat melahirkan ramai individu yang berkemahiran dan berkepakaran dalam industri teknikal dan kejuruteraan. Ini sekaligus menjadi aset penting dalam memacu pembangunan infrastruktur negara, sejajar dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju dan berteknologi tinggi.

6. Besar harapan saya agar bilangan golongan teknikal dan kejuruteraan terus bertambah pada masa hadapan bagi terus menyumbang idea dan kepakaran dalam bidang kejuruteraan dan teknikal ke arah menjadikan industri ini lebih inovatif, produktif dan seterusnya meningkatkan daya saing berbanding dengan negara lain. Walau bagaimanapun, sehingga 31 Mac 2017, hanya seramai 630 pegawai JKR (17.7%) telah memiliki kelayakan professional, iaitu; Ir., Ar., dan Sr. Justeru itu, saya berharap dalam tempoh masa tiga (3) tahun lagi menjelang Wawasan 2020, kita berupaya mencapai sasaran 30% warga JKR Malaysia memperolehi persijilan profesional ini.

Para Hadirin Sekalian,

7. Program hari ini juga menyediakan platform kepada orang ramai termasuk warga JKR, pelajar IPTA dan IPTS, pihak berkuasa tempatan dan agensi swasta untuk mendapatkan pendedahan asas berkaitan kejuruteraan dan teknikal dari peringkat akar umbi.

## PENGISIAN MESYUARAT

8. Untuk makluman bersama, program satu hari yang dianjurkan hari ini akan melibatkan dua sesi perkongsian pengalaman iaitu;

(i) 1960 – 1984 : Life Working Experiences in JKR and Beyond  
Oleh: Tuan Ir. Edward Cheah, 88 tahun  
Bekas Pengarah Rekabentuk dan Penyelidikan JKR Malaysia

(ii) Sesi Imbauan Sejarah Kejuruteraan : Kenangan & Keringat (KKK)  
Oleh: Tuan Ir. Hj. Mat Rosly Bin Mat Daud,

Seterusnya akan disusuli dengan “Ceramah Kerjaya” oleh Tuan Haji Meor Mohamed Haris Bin Meor Hussein dari Bahagian Pembangunan Skim Kejuruteraan, CDPK dan enam (6) sesi perkongsian teknikal iaitu;

(i) Kerjaya Jurutera Awam di JKR  
Oleh: Tuan Ir. Muhammad Azman bin Jamrus

(ii) SERBA SERBI Ar.kitek  
Oleh: Tuan Ar. Azman bin Md.Hashim

(iii) Melakar Kecemerlangan Dalam Kejuruteraan Mekanikal  
Oleh: Tuan Ir. Dr. Abdul Murad Bin Zainal Abidin

(iv) Laluan Transformasi Juruukur Bahan  
Oleh: Tuan Sr. Dr. Muhammad Imran Bin Zin Zawawi

(v) Pembangunan Kerjaya dan Sumbangan Kepada Negara

Oleh: Puan Hanifah Binti Abdullah  
Kejuruteraan Elektrik di JKR

(vi) Implementation of Unmanned Aerial Systems (UAS) for Infrastructure Inspection

Oleh: Tuan Mohd Azan Bin Mat Jusoh, Tenaga Nasional Berhad

9. Terima kasih kepada para penceramah jemputan yang sudi melapangkan waktu untuk sama-sama berkongsi ilmu serta pengalaman mereka dalam melaksanakan agenda pembangunan negara dalam bidang teknikal khususnya. Pasti banyak ilmu bermanfaat yang dapat dikongsi bersama oleh para peserta yang menyertai program ini.

10. Dengan segala perkongsian ilmu dan pengalaman yang dicurahkan oleh mereka, saya percaya ia dapat membantu warga JKR meluaskan pandangan dan memantapkan lagi ilmu dan kemahiran yang sedia ada. Titipan penghargaan dan terima kasih kepada para pembentang kertas kerja dari agensi luar dan juga daripada kalangan pegawai-pegawai JKR sendiri.

11. Sempena Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia 2017, turut diadakan Anugerah Tokoh JKR. Anugerah ini julung kali diadakan sebagai penghargaan kepada jasa warga JKR dalam usaha memartabatkan nama jabatan malahan memberi impak besar kepada JKR khasnya dan negara amnya.

12. Untuk makluman jua, sebanyak 32 buah gerai pameran daripada pelbagai agensi telah menyertai pameran dengan tujuan berkongsi pengetahuan berkaitan bidang teknikal dan industri kejuruteraan. Saya menjemput hadirin sekalian untuk mengunjunginya dan meraih sebanyak mungkin informasi-informasi yang disediakan khususnya kepada pelajar-pelajar dalam bidang teknikal dan penggiat industri kejuruteraan.

13. Manakala pameran jentera berat dan kenderaan JKR adalah sebanyak 14 unit. Ini termasuk jentera-jentera yang digunapakai dalam pembinaan Lebuh raya Timur Barat. Ada juga yang diperolehi seawal tahun 1947. Saya percaya bagi pegawai-pegawai muda dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan sekolah menengah termasuk Gen-Y pasti teruja melihat nama-nama jentera pembinaan seperti roller, dozer, scripper dan paver.

14. Percayakah anda bahawa JKR telah terlibat dengan pemasangan kenderaan seawal 1895 lagi di worksyop pertama di Jalan Brickfields. Bahkan klinik bergerak, pos bergerak, telahpun wujud sekitar tahun 1940 an.

15. Akhir kata sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia, di atas kesudian Dato' Sri untuk merasmikan Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia Tahun 2017.

16. Terima kasih jua kepada YBhg Datin Mastura binti Tan Sri Mohd Yazid, ahli parlimen Kuala Kangsar yang sudi datang dari jauh untuk turut serta bersama kami.

17. Tidak dilupakan juga, jutaan terima kasih kepada semua individu dan agensi yang terlibat dalam membuat persiapan dan mengatur aktiviti-aktiviti menarik sepanjang program ini berlangsung. Saya berharap Dato' Sri/ Dato'-dato/ Datin-datin/tuan/puan sudi meluangkan masa mengunjungi gerai-gerai pameran yang disediakan sempena program ini.

*Siang dan malam memerah keringat*

*Mendayung sampan menuju muara*

*Hari Teknikal dan Kejuruteraan akan diingat*

*Menyanjung sumbangan pembangun negara*



*Terbang tinggi si rama-rama  
Terbang bersama burung kedidi  
Doa kita sentiasa bersama  
Agar majlis ini tidak berhenti disini*

Semoga perjuangan kami, warga kerja JKR dalam meneruskan agenda pembangunan negara sentiasa dirahmati. JKR dan Anda Berpisah Tiada.

Sekian, Wabilahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.